

01 SEP 2003

PRESIDEN THABO MBEKI TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI KE MALAYSIA

SEPANG, 1 Sept (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini, hari ini, untuk lawatan negara selama tiga hari.

Ketibaan Mbeki disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Chan Kong Choy selaku Menteri Pengiring.

Esok, Mbeki akan diberi sambutan negara di dataran Parlimen sebelum menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya bagi membincangkan hubungan dua hala.

Pada sebelah malamnya, Mbeki yang tiba bersama kira-kira 70 anggota delegasi akan diraikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail di majlis makan malam di Istana Negara.

Sempena lawatan Mbeki, Malaysia dan Afrika Selatan dijangka menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, saintifik, teknikal dan kebudayaan serta memorandum persefahaman mengenai penubuhan Suruhanjaya Bersama.

Mbeki juga akan berucap di Forum Antarabangsa ISIS dan menyampaikan ucap tama di majlis makan tengah hari yang dianjurkan bersama oleh Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan dan Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli).

Ini merupakan lawatan kedua oleh seorang pemimpin Afrika Selatan selepas Nelson Mandela.

-- BERNAMA

NJ SNS HS PR